

PENDAFTARAN KELAHIRAN ANAK TIDAK SAH TARAF: ANTARA HAK ASASI DENGAN CABARAN PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA

(Registration of Illegitimate Children: Between Basic Rights and Islamic Legal Challenges in Malaysia)

Nurul Hidayat Ab Rahman¹
nhidayat@ukm.edu.my

Insyirah Mohamad Noh²
insyirahmohdnoh@gmail.com

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. ^{1 & 2}

Pengarang Koresponden: ¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nurul Hidayat Ab Rahman & Insyirah Mohamad Noh. (2023). Pendaftaran anak tidak sah taraf: Antara hak asasi dan cabaran perundangan Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 239–268. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no3)

Peroleh: Received:	9/3/2022	Semakan: Revised	12/1/2023	Terima: Accepted:	19/4/2023	Terbit dalam talian: Published online	1/7/2023
-----------------------	----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	----------

Abstrak

Identiti diri yang sah dari sudut undang-undang adalah penting kerana mempunyai kaitan rapat dengan perlindungan hak asasi manusia untuk membangun seperti hak untuk hidup, hak kesihatan dan hak pendidikan. Namun demikian, anak tidak sah taraf di Malaysia, khususnya mereka yang beragama Islam sering kali berdepan dengan diskriminasi akibat kelahiran mereka yang tidak didaftarkan. Makalah ini meneliti sejarah pembangunan hak asasi serta peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan hak asasi kanak-kanak, khususnya hak terhadap pendaftaran kelahiran dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989 (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]. Selain itu, kedudukan anak tidak sah taraf dalam perundangan Islam turut dihuraikan. Penulisan ini merupakan kajian undang-undang tulen dengan kaedah kualitatif dan analisis kandungan. Makalah ini menyimpulkan cabaran dalam perundangan Islam yang menghalang pendaftaran kelahiran kanak-

kanak di negara ini yang menjadi syarat dokumen perkahwinan, stigma dan penyisihan masyarakat serta kurangnya kesedaran awam. Oleh itu, beberapa idea dicadangkan untuk penambahbaikan, iaitu meminda undang-undang, mewujudkan daftar kelahiran yang khusus untuk anak tidak sah taraf, memudahkan prosedur pendaftaran kelahiran serta meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan pendaftaran kelahiran dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Anak tidak sah taraf, hak asasi, kanak-kanak, pendaftaran kelahiran, prosedur pendaftaran, undang- undang Islam

Abstract

A legitimate identity from a legal point of view is essential because it is closely related to the protection of basic human rights to development, such as the right to life, health and education. However, illegitimate children in Malaysia, especially Muslims, often face discrimination due to their unregistered birth. This paper will examine the history of human rights development and provisions related to the protection of children's rights, in particular the right to birth registration in the Convention on the Rights of the Child 1989 (CRC) and the Child Act 2001 [Act 611]. In addition, the position of illegitimate children in the Islamic Law is also described. This writing is a purely legal study with qualitative methods and content analysis. This paper concludes that among the challenges in Islamic Law that prevent the registration of childbirths in the country are marriage document requirements, stigma and social exclusion as well as lack of public awareness. Therefore, several ideas for improvement are proposed, namely amending the law, creating a special birth register for illegitimate children, simplifying the birth registration procedure as well as enhancing knowledge on the importance of birth registration in society.

Keywords: Illegitimate children, basic rights, children, birth registration, registration procedure, Islamic law

PENDAHULUAN

Polemik pendaftaran kelahiran bagi anak-anak tidak sah taraf yang beragama Islam masih belum menemui sebarang titik noktah sehingga hari ini. Pendaftaran kelahiran mereka yang sering dibayangi oleh kesilapan atau dosa ibu bapa menyebabkan hak asasi mereka sebagai kanak-kanak terus diprejudiskan. Terma seperti “anak zina”, “anak luar nikah” serta “anak tidak sah taraf” adalah antara kepelbagaian penjenamaan identiti

diri yang secara tidak langsung mengasingkan kanak-kanak ini daripada kelompok masyarakat (Paizah, 2013). Melalui penggunaan gelaran tersebut, masyarakat dengan mudahnya membina perspektif bahawa kelahiran anak-anak tersebut ke dunia adalah sesuatu hal yang amat memalukan kerana berlaku di luar ikatan perkahwinan. Hal ini adalah selari dengan “anak zina” yang didefinisikan sebagai anak yang terhasil akibat perhubungan jenis lelaki dan perempuan tanpa perkahwinan syarii, iaitu dengan cara keji atau hubungan terlarang (Irwan et al., 2015). Walhal, status tidak sah taraf bagi seseorang kanak-kanak Islam boleh berlaku atas sebab jenayah rogol, anak yang ditemui dan dipungut, kehilangan dokumen perkahwinan, perkahwinan tidak berdaftar, anak *li'an*,¹ iaitu dinafikan nasab oleh bapanya atau dilahirkan kurang dari enam bulan selepas tempoh perkahwinan ibu dan bapanya (Azizah, 2006).

Perihal pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf yang beragama Islam boleh dibahagikan kepada dua isu utama. Isu pertama ialah kegagalan ibu atau bapa tersebut mendaftarkan anak tidak sah taraf mereka, menyebabkan tiada identiti sah di sisi undang-undang yang terbentuk. Isu kedua pula melibatkan pendaftaran anak zina yang tidak dibenarkan untuk di “bin” atau “binti” dengan nama bapa biologinya. Kedua-dua keadaan ini bakal melahirkan persepsi buruk dalam kalangan masyarakat terhadap anak ini sehingga menyebabkan wujudnya diskriminasi sosial. Isu yang pertama yakni tidak mendaftar, membawa impak yang lebih buruk lagi kerana hal ini akan menyebabkan kewujudan kanak-kanak tersebut tidak diiktiraf kelahirannya oleh mana-mana negara. Kegagalan ibu atau bapa melalui proses pendaftaran kelahiran akan menjejaskan kedudukan anak ini di sisi undang-undang pada peringkat nasional dan antarabangsa. Bukan sahaja anak tidak sah taraf akan menghadapi stigma sosial daripada masyarakat yang bersifat menghukum, tetapi menerima impak secara terus dari sudut perlindungan undang-undang. Penulisan ini memfokuskan dua isu penting, iaitu hak anak tidak sah taraf terhadap identiti diri di sisi undang-undang serta diikuti dengan perbincangan tentang cabaran undang-undang Islam yang wujud melalui pelaksanaan hak tersebut. Hal ini kerana,

1 Jika seorang suami menuduh isterinya berzina, dia akan dikenakan hukuman *qadlif*, jika ia tidak dapat membuktikan tuduhan dengan membawa empat orang saksi. Dalam keadaan ini, suami boleh menggunakan acara *li'an* untuk mengelakkan hukuman ke atasnya. Jika pihak-pihak kepada suatu perkahwinan telah bersumpah secara *li'an* mengikut hukum syarak di hadapan Hakim Syarie, dalam hukumannya. Hakim Syarie itu akan memerintahkan mereka farak dan dipisahkan dan tinggal berasingan selama-lamanya.

pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf akan melibatkan prosedur khas serta dokumentasi yang berbeza berbanding dengan kanak-kanak sah taraf. Lanjutan daripada itu, dokumentasi pendaftaran kelahiran mereka kelak akan menjadi satu bentuk “diskriminasi” kerana melalui penelitian sijil kelahiran, kanak-kanak ini boleh secara langsung dikelompokkan sebagai “anak tidak sah taraf”. Gelaran tersebut seolah-olah akan terus kekal bersama-sama dengan kanak-kanak ini sehingga akhir hayat mereka. Lebih parah lagi, terdapat kemungkinan kesan buruk tidak mendaftarkan kelahiran akan menjangkau keturunan anak-anak ini buat berabad-abad lamanya. Isu kanak-kanak tidak sah taraf bukanlah suatu isu yang mudah untuk dirungkaikan kerana hal ini melibatkan penindasan dari aspek sosial, kesihatan dan alam sekitar. Tanpa pendaftaran kelahiran, mereka berisiko untuk dikasari dan ditindas dari pelbagai sudut kehidupan (Abdul Hafiz, 2018; Nurrual & Abd Ghani, 2015).

Pada peringkat global, pendaftaran kelahiran merupakan isu yang dianggap sebagai universal. Namun demikian, terdapat perbezaan tentang kecenderungan rakyat di sesebuah negara terhadap prosedur pendaftaran kelahiran ini. Di kebanyakan negara maju dan berpendapatan tinggi, jumlah pendaftaran kelahiran adalah tinggi. Namun demikian, perkara yang sama bukanlah sesuatu yang disambut baik di negara-negara mundur atau berpendapatan rendah. Secara purata satu daripada empat kanak-kanak bawah usia lima tahun tidak didaftarkan kelahirannya yang berjumlah sebanyak 166 juta orang kanak-kanak keseluruhannya tanpa pengenalan diri. Separuh daripada jumlah tersebut menetap hanya di lima buah negara yakni Republik Kongo, Ethiopia, India, Nigeria dan Pakistan (Apland et al., 2014). Walaupun berdaftar kelahirannya, dianggarkan 237 juta orang di seluruh dunia tidak mempunyai sebarang bukti pendaftaran seperti sijil kelahiran. Statistik bagi anak tidak sah taraf di Malaysia juga dilaporkan sangat tinggi. Anak tidak sah taraf yang beragama Islam adalah seramai 172,811 orang pada tahun 2010 sehingga 2018 (Hafizah, 2019). Isu pendaftaran kelahiran pada peringkat antarabangsa adalah lebih luas skopnya kerana tidak memfokuskan peranan atau hukum agama seperti pemakaian undang-undang Islam di Malaysia. Oleh yang demikian, terdapat banyak faktor yang menyebabkan pendaftaran kelahiran tidak disempurnakan oleh ibu bapa. Faktornya adalah seperti yang berikut: (i) ekonomi; (ii) geografi dan budaya; (iii) politik dan pentadbiran; serta (iv) kesedaran sivik (Pelowski et al., 2015).

Pendaftaran kelahiran bagi seseorang individu adalah sangat penting kerana proses ini menjadi satu cara yang dapat menghubungkan

tanggungjawab sesebuah negara dalam hal melindungi rakyatnya. Pendaftaran kelahiran membolehkan penganugerahan kerakyatan atau kewarganegaraan kepada anak-anak tidak sah taraf ini. Pendaftaran kelahiran merupakan proses merekodkan maklumat secara “hitam putih” tentang kelahiran seseorang kanak-kanak. Pendaftaran kelahiran ini bersifat kekal dan merupakan satu bentuk pernyataan tentang kewujudan mereka di dunia. Rekod rasmi atau sijil kelahiran ini akan memberikan pengiktirafan terhadap identiti anak-anak tersebut di sisi undang-undang. Selain itu, proses ini juga penting untuk menentukan umur mereka dengan lebih tepat bagi mengelakkan eksploitasi seperti perhambaan seks, buruh kasar, pengambilan sebagai tentera, perkahwinan paksa serta hal-hal lain yang berbahaya (UNICEF, 2007). Tambahan pula, kaedah pendaftaran juga boleh menjadi salah satu medium untuk menjaga hak asasi kanak-kanak bukan warganegara seperti migran, atau pemohon suaka yang berada dalam kesulitan semasa cuba mendapatkan perlindungan di negara asing. Kewujudan identiti diri dapat memberikan mereka peluang yang lebih baik untuk dilindungi oleh badan penguat kuasa atau badan bukan kerajaan di Malaysia. Adalah penting untuk dijelaskan bahawa tanpa wujudnya identiti diri, kanak-kanak tidak akan mendapat akses terhadap servis badan kerajaan dan swasta yang meliputi suntikan vaksin, pendaftaran sekolah, pembukaan akaun bank, permohonan pasport, pembelian insurans serta lain-lain. Tanpa wujudnya pengenalan diri, mereka seperti halimunan atau dianggap tidak wujud pada kaca mata undang-undang. Urusan mereka yang tidak berdaftar bukanlah tanggungjawab mana-mana pihak untuk memelihara kebajikan mereka.

Fokus penulisan ini adalah terhadap anak-anak tidak sah taraf yang beragama Islam di Malaysia sahaja. Penelitian statut perundangan juga dikhususkan kepada dua bahagian, iaitu perundangan antarabangsa yang melibatkan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989 (CRC) dan nasional, iaitu Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]. Kepentingan pendaftaran anak-anak tidak sah taraf adalah bagi tujuan merekodkan data dan demografi, memberikan akses terhadap hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan dan pendidikan serta perlindungan kepada mereka. Hal ini dilanjutkan dengan perbincangan tentang cabaran perundangan Islam yang menghalang pendaftaran kelahiran kanak-kanak seperti dokumen perkahwinan sebagai syarat pendaftaran, stigma dan penyisihan dalam kalangan masyarakat dan kurangnya kesedaran tentang kepentingannya. Sebelum membuat penjelasan tentang kedudukan anak tidak sah taraf dalam sistem perundangan Islam, penulis merujuk kedua-dua CRC dan

Akta 611 bagi melihat sejarah pembangunan hak asasi kanak-kanak dan perlindungan hak asasi menurut undang-undang utama pada peringkat antarabangsa dan nasional.

PERLINDUNGAN HAK ASASI KANAK-KANAK

Perlindungan terhadap hak asasi kanak-kanak diberikan secara formal hanya pada tahun 1989, iaitu melalui pembentukan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Hal ini berbeza keadaannya dengan pengiktirafan hak asasi kepada manusia dewasa. Walaupun kedua-dua golongan ini secara asasnya mempunyai keperluan hak asasi yang sama, persekitaran kehidupan membezakan kedua-dua kategori manusia ini. Pada peringkat awal, kanak-kanak dianggap sebagai harta atau barang milikan ibu bapa semata-mata (Mason, 1994). Oleh yang demikian, golongan ini sering ditindas dan dipergunakan dengan sewenang-wenangnya. Sifat kanak-kanak yang rentan dan memerlukan perlindungan tidak dipedulikan sama sekali. Malahan, mereka tidak mempunyai sebarang kebebasan untuk bergerak, mendapatkan pendidikan atau penjagaan kesihatan yang baik dan lain-lain (United Nations General Assembly, 2014).

Keadaan ini adalah berbeza sekiranya sejarah hak asasi manusia diteliti, yakni hak orang dewasa telah pun wujud sejak sekian lama lagi. Antara dokumen yang mencatatkan perihal hak asasi manusia termasuklah, *The Cyrus Cylinder* (539 B.C), *The Magna Carta* (1215), *The Petition of Right* (1628), *The United States Declaration of Independence* (1776) dan *The Declaration of the Rights of Man and of the Citizen* (1789) (Ishay, 2004). Pengiktirafan dan kesedaran tentang kepentingan hak asasi manusia, khususnya kepada orang dewasa, dalam konteks ini terus-menerus meningkat terutamanya selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua sehingga melahirkan instrumen antarabangsa yang digelar sebagai Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) pada 10 Disember 1948 (United Nations). Jika diteliti, perbezaan jangka masa pelaksanaan pengiktirafan hak asasi dalam UDHR berbanding CRC adalah selama 41 tahun. Meskipun begitu, selepas lebih 30 tahun pelaksanaannya, hak asasi kanak-kanak dalam CRC masih belum mencapai tahap yang memuaskan, terutamanya apabila melibatkan kanak-kanak rentan seperti anak tidak sah taraf.

Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) 1989

Hak asasi bagi kanak-kanak yang terdapat dalam CRC meliputi perlindungan dan bantuan dari segenap aspek tanpa mengira perbezaan

bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal usul, kecacatan fizikal, mental atau emosi dan status. Peruntukan ini berdasarkan empat hak utama; iaitu (i) tiada diskriminasi; (ii) kepentingan terbaik kanak-kanak; (iii) hak untuk hidup, mandiri (*survival*) dan pembangunan; serta (iv) hak penyertaan. Bagi memastikan kesemua kanak-kanak mendapat hak kelangsungan hidup dan pembangunan diri sendiri yang optimum, adalah menjadi tanggungjawab negara bagi menjamin pelaksanaan hak tersebut. Terdapat pelbagai faktor diskriminasi dalam kalangan kanak-kanak, iaitu (i) warna kulit atau jantina; (ii) bahasa; (iii) fahaman agama (iv) aliran politik atau perbezaan pendapat; (v) kewarganegaraan; (vi) etnik sosial; (vii) harta; dan (viii) status kecacatan, kelahiran dan sebagainya (CRC). Konsep kesaksamaan menjelaskan bahawa sesebuah negara hendaklah menghormati kanak-kanak dengan memastikan hak asasi kanak-kanak diberikan tanpa bergantung pada faktor personal kanak-kanak, ibu bapa atau penjaga sahnya. Merujuk pada konteks penulisan, Malaysia hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil semua langkah yang bersesuaian bagi memastikan anak-anak tidak sah taraf dilindungi daripada semua bentuk diskriminasi atas faktor status diri mereka, pendapat atau kepercayaan yang melibatkan ibu bapa, penjaga sah, atau ahli keluarga lain kanak-kanak tersebut. Hal ini merupakan satu bentuk pelanggaran hak asasi sekiranya anak-anak tidak sah taraf terpaksa membayar “penalti” seumur hidup mereka atas kesalahan ibu dan bapa atau hanya kerana kekangan prosedur (UNICEF, 2007).

Keentingan terbaik merupakan satu prinsip penting dalam CRC yang meletakkan hak kanak-kanak sebagai pertimbangan utama sebelum apa-apa tindakan yang berhubung kait dengan kanak-kanak diambil. Tindakan yang dimaksudkan termasuklah yang dijalankan oleh pihak awam, swasta, mahkamah, badan pentadbiran dan perundangan. Tambahan lagi, piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa terutamanya dalam bidang keselamatan dan kesihatan hendaklah dipenuhi oleh institusi yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan. Tanggungjawab tersebut juga diserahkan kepada golongan yang sah di sisi undang-undang seperti ibu bapa, penjaga yang sah atau lain-lain. Oleh yang demikian, prinsip yang bersifat am dan luas ini bersifat fleksibel dan sesuai untuk dimuatkan dalam bahagian perundangan dan pentadbiran, terutamanya bagi penyelesaian konflik anak tidak sah taraf. Tambahan pula, objektif prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak boleh memberi manfaat jangka masa pendek dan panjang kepada golongan tersebut. Hal yang demikian menjadikan prinsip tersebut sangat sesuai dengan sifat kanak-kanak yang masih belum matang

untuk mengendalikan diri sendiri secara total. Peranan undang-undang sebagai penjaga kepada faedah kanak-kanak hendaklah memastikan mereka tidak ditindas oleh sistem pentadbiran dan masyarakat yang telah dewasa. Oleh itu, penetapan polisi dan penggubalan undang-undang mestilah sentiasa peka terhadap kebajikan mereka, terutamanya anak tidak sah taraf (UNICEF, 2013; CRC).

Seterusnya hak kanak-kanak yang paling asas ialah kesinambungan hidup untuk tempoh selama mungkin dan termasuk dalam kategori hak untuk kesinambungan hidup dan pembangunan. Antara lain, kategori ini juga membincangkan hak untuk membangunkan diri demi mencapai kelangsungan dan keselesaan. Anak tidak sah taraf telah pun dinafikan hak paling asas, iaitu identiti yang sah di sisi undang-undang. Tanpa sempurnanya hak ini, maka keseluruhan hak asasi yang lain adalah sukar untuk dilaksanakan (Copelon et al., 2005). Hal ini sedemikian kerana diri mereka seolah-olah tidak wujud sama sekali. Artikel 6 menyebut tentang kelangsungan hidup dan pembangunan, manakala Artikel 19 adalah berkenaan dengan perlindungan daripada penderaan kanak-kanak. Kedua-dua artikel ini telah meletakkan peranan Malaysia untuk melaksanakan tindakan sewajarnya pada peringkat nasional bagi tujuan (i) menghapuskan jenayah terhadap kanak-kanak; (ii) melindungi kehidupan; (iii) meningkatkan jangka hayat; (iv) memerangi penyakit; dan memulihkan kesihatan. Namun begitu, bagi anak tidak sah taraf, mereka tidak akan mendapat perlindungan yang baik oleh undang-undang tanpa didaftarkan secara sah. Umumnya, tanggungjawab melindungi kanak-kanak telah wujud semenjak mereka berada dalam kandungan lagi kerana kesihatan ibu-ibu yang hamil dipelihara sebaik-baiknya demi menjamin kadar kelahiran yang tinggi serta mengurangkan kadar kematian (Zulkiffi et al., 2013; CRC). Seterusnya, CRC membincangkan hak kelangsungan hidup kanak-kanak melalui medium penjagaan kesihatan, iaitu termasuklah fizikal, mental dan psikologi. Hal ini perlu diberikan keutamaan kerana saling bersangkutan dengan hak pembangunan. Potensi diri anak tidak sah taraf pastinya akan terencat jika hak berkaitan dengan kesihatan mereka tidak diuruskan dengan baik. Artikel 19 menyebut tentang tanggungjawab negara untuk mengambil langkah-langkah perlindungan yang bersesuaian dan berkesan dari sudut perundangan, pentadbiran, sosial dan pendidikan yang bersesuaian bagi membendung keganasan, kecederaan, eksploitasi, pengabaian atau kecuai fizikal, mental dan seksual terhadap kanak-kanak. Artikel 37 pula melindungi kanak-kanak daripada kelakuan kejam, tidak berperikemanusiaan, layanan dan hukuman yang merendahkan martabat manusia (CRC).

Terakhir sekali ialah hak penyertaan; iaitu hak yang memberi jaminan bahawa kanak-kanak seperti anak tidak sah taraf bebas untuk membentuk dan menyatakan pandangannya dalam perkara yang akan mempengaruhi dirinya. Pandangan yang diutarakan oleh mereka ini mestilah dipertimbangkan sewajarnya dengan berpandukan pada umur dan tahap kematangannya. Anak tidak sah taraf juga mempunyai hak untuk menyertai masyarakat umum tanpa sebarang pengelasan kategori. Hak penyertaan akan meningkatkan lagi taraf kanak-kanak pada peringkat yang lebih baik. Hak penyertaan akan membenarkan anak-anak tidak sah taraf ini berasa wujudnya penghargaan dan penghormatan daripada golongan dewasa kerana mendengar pendapat mereka dalam proses membuat keputusan (Flear & Vakulenko, 2010). Malahan, hak ini dianggap sebagai satu mekanisme yang sangat efektif untuk menangani masalah keganasan, penyalahgunaan, ancaman, ketidakadilan atau diskriminasi terhadap kanak-kanak umumnya kerana menyediakan medium untuk mereka menyalurkan aduan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab. Malahan, kanak-kanak juga akan berasa lebih tenang, yakin dan selamat dengan adanya saluran khas yang menjamin suara mereka didengari. Kebebasan bersuara yang dimaksudkan merangkumi kebebasan untuk mencari, menerima dan menyebarkan segala jenis maklumat dan idea tanpa mengira sempadan, sama ada melalui kaedah lisan, bertulis atau dicetak dalam bentuk seni, atau melalui medium media yang lain (Reyneke, 2013).

Keempat-empat hak utama yang disebut dalam CRC ini adalah sangat penting bagi melindungi kehidupan anak tidak sah taraf. Hak utama ini merupakan hak asas yang wujud dalam kehidupan kanak-kanak normal tetapi dinafikan kepada anak tidak sah taraf. Hal ini terjadi kerana kebanyakan anak tidak sah taraf dibelenggu dengan isu identiti diri. Tanpa sebarang pendaftaran rasmi, anak-anak ini bukan warganegara sekali gus menjadikan mereka sebagai “halimunan” atau tidak berada di bawah tanggungjawab negara (United Nations General Assembly, 2014). Segala bentuk bantuan, tindakan atau susulan akan menjadi tergendala kerana tiada sebarang maklumat rasmi tentang anak tidak sah taraf ini direkodkan. Selain itu, bagi anak tidak sah taraf yang berdaftar pula, mereka terus menghadapi perspektif serong daripada ahli masyarakat. Hal ini sudah pastinya akan mengganggu mereka untuk membangunkan potensi diri secara maksimum. Bukan sahaja mereka berasa rendah diri, malu dan tidak yakin diri, malah tekanan secara berterusan akan menjejaskan kesihatan fizikal, mental dan emosi mereka. Anak tidak sah taraf juga berkemungkinan besar terpaksa menghadapi diskriminasi

daripada masyarakat sekeliling sama ada secara terus atau secara tidak langsung. Keadaan yang sedemikian bukanlah satu persekitaran yang baik bagi kanak-kanak untuk membesar dan memajukan diri. Keadaan tersebut bersifat toksik dan tidak adil bagi anak-anak yang tidak bersalah ini. Oleh itu, amatlah penting bagi perlindungan hak asasi anak tidak sah taraf diperincikan dengan baik dalam undang-undang di negara kita. Bagi tujuan itu, penulis hanya akan meneliti perundangan utama negara untuk perlindungan kanak-kanak, iaitu Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611].

Perlembagaan Persekutuan

Penentuan bagi pemerolehan taraf kewarganegaraan di Malaysia telah diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Secara umumnya, seseorang yang dilahirkan di negara ini tidak semestinya akan diberikan taraf kewarganegaraan secara automatik. Oleh hal yang demikian, pemerolehan kewarganegaraan sebagai warganegara Malaysia hanya boleh diberikan sekiranya individu tersebut menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung ketika pemohon dilahirkan merupakan antara faktor utama yang diambil kira sebelum status kewarganegaraan boleh diberikan kepada individu tersebut. Bagi membolehkan seorang kanak-kanak mendapat taraf warganegara secara kuat kuasa undang-undang, Perkara 14 menetapkan bahawa dia mestilah lahir hasil daripada perkahwinan yang sah serta salah seorang daripada ibu atau bapa kanak-kanak tersebut mestilah seorang warganegara atau pemastautin tetap.

Taraf kewarganegaraan seseorang kanak-kanak yang dilahirkan di luar perkahwinan pula akan ditentukan dengan merujuk taraf kewarganegaraan ibu dan bukan bapanya seperti yang telah diperuntukkan oleh Seksyen 17, Jadual II, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Isu ini telah menjadi perdebatan umum apabila Mahkamah Persekutuan dalam kes *CTEB & Anor v. Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Malaysia & Ors [2021] 4 MLJ 236* menetapkan bahawa bagi seorang anak yang dilahirkan di luar pernikahan, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut akan diberikan mengikut status kerakyatan ibu. Hal ini bermaksud, kanak-kanak tidak sah taraf ini akan kekal sebagai bukan warganegara sekiranya ibunya tidak memegang taraf kerakyatan Malaysia walaupun bapanya merupakan seorang warganegara.

Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]

Akta Kanak-kanak 2001 atau Akta 611 berfungsi untuk menyatukan beberapa statut lain; iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991. Penggubalan Akta 611 ini adalah bagi memenuhi komitmen negara terhadap CRC yang telah pun ditandatangani pada tahun 1995. Hanya selepas enam tahun, Malaysia mengambil langkah mewujudkan satu statut perundangan yang komprehensif, iaitu menyatukan segala bentuk kesalahan terhadap kanak-kanak dari sudut seksual, fizikal, emosi dan pengabaian. Penggubalan Akta 611 tidak memfokuskan penggunaannya kepada kanak-kanak warganegara semata-mata. Akta 611 bersifat umum dan bertujuan menjaga kebajikan semua kanak-kanak yang ditafsirkan sebagai mereka yang berumur di bawah usia 18 tahun. Namun demikian, dari sudut pelaksanaannya, fokus sering diberikan hanya kepada kanak-kanak warganegara sahaja. Secara tidak langsung, anak tidak sah taraf yang tidak didaftarkan kelahirannya akan mengalami kesukaran untuk menuntut haknya sebagai kanak-kanak menurut Akta 611. Bermula pada peringkat awal lagi, mereka telah kehilangan hak untuk membawa tuntutan hak asasi mereka.

Akta 611 tidak sama sekali menyentuh perihal pendaftaran kelahiran. Umumnya statut ini menghuraikan elemen pentadbiran, mahkamah kanak-kanak, tanggungjawab untuk memelihara serta melindungi kanak-kanak seperti memberi rawatan kesihatan dan menjaga kebajikan. Akta ini turut memberi jalan keluar bagi kanak-kanak yang diambil untuk pemeliharaan, jagaan atau kawalan dengan penyediaan kemudahan khas seperti Sekolah Henry Gurney, asrama akhlak dan lain-lain. Prosedur khas bagi kanak-kanak yang terlibat dengan prosiding mahkamah serta kesalahan pemerdagangan dan pemelarian kanak-kanak turut dihuraikan secara terperinci. Huraian berkenaan dengan pendaftaran kelahiran kanak-kanak adalah tertakluk pada Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] dan juga prosedur oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang akan dihuraikan lebih lanjut pada bahagian seterusnya.

DEFINISI, KONSEP DAN KEDUDUKAN ANAK TIDAK SAH TARAF DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Menurut agama Islam, terdapat tiga cara untuk memperoleh zuriat yang sah dan baik statusnya. Pertama, wujud antara kedua-dua ibu dan bapa anak-anak berkenaan satu perkahwinan yang sah atau fasid. Seterusnya berlaku

persetubuhan badan antara seorang lelaki dan wanita secara syubhah. Akhir sekali ialah perakuan seseorang bapa yang mengakui itu adalah anaknya. Islam amat mengambil berat soal nasab dan keturunan menyebabkan isu penamaan bapa, yakni “bin” atau “binti” hendaklah dilakukan dengan penuh berhati-hati. Hal ini adalah selaras dengan tujuan utama penggubalan undang-undang keluarga Islam di seluruh Malaysia, iaitu memelihara kesucian institusi kekeluargaan dan ikatan perkahwinan umat Islam.

Definisi bagi anak-anak tidak sah taraf dirujuk berlandaskan al-Quran, as-Sunnah dan lain-lain sumber perundangan Islam. Definisi tersebut kemudian diterapkan dalam pandangan Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 yang bermuzakarah pada 10 Jun 2003. Anak tidak sah taraf ialah mereka yang lahir di luar waktu pernikahan atas sebab zina atau rogol dan bukan daripada persetubuhan syubhah. Selain itu, anak tidak sah taraf juga ialah kanak-kanak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua saat mengikut Takwim Kamariah dari tarikh berlakunya persetubuhan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-1 yang bersidang pada 28–19 Januari 1981 telah memutuskan bahawa anak tidak sah taraf sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah mestilah di “bin” atau “binti” kepada nama “Abdullah”. Keputusan ini diterima dengan baik oleh beberapa negeri di seluruh Malaysia dan terdapat beberapa negeri telah mewartakannya secara rasmi. Selain pewartaan fatwa, terdapat negeri-negeri yang memasukkan inti pati keputusan fatwa tersebut dalam statut perundangan, iaitu Akta atau Enakmen Keluarga Islam (Abd. Ghani & Nuarrual, 2016). Sebagai contoh, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] mentakrifkan “anak tidak sah taraf” dalam Seksyen 2 sebagai lahir di luar nikah dan bukan anak yang lahir daripada persetubuhan syubhah. Kandungan yang sama dimuatkan dalam Undang-undang Keluarga Islam di Selangor, Kelantan, Melaka, Perlis, Perak, Pulau Pinang, Johor, Kedah serta Sarawak. Ringkasnya kesemua undang-undang Islam adalah selari dalam pendefinisian terma kanak-kanak tidak sah taraf.

Konsep anak tidak sah taraf dalam undang-undang Islam dibincangkan dengan lebih lanjut dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam. Seksyen 110 Akta 303 menyatakan bahawa sekiranya (i) seseorang perempuan berkahwin dengan seorang lelaki dan melahirkan anak lebih dari tempoh enam bulan kamariah dari tarikh perkahwinannya itu; atau (ii) dalam masa empat tahun kamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada atas alasan penceraian atau kematian dan perempuan tersebut

tidak berkahwin semula, maka lelaki itu ialah bapa anak tersebut. Walau bagaimanapun, lelaki tersebut melalui kaedah *li'an* atau kutukan boleh menafikan nasab anak itu kepadanya di hadapan mahkamah. Menurut kes *Salim lwn. Masiah [1976] 2 JH (2) 296*, pasangan yang berkahwin pada 6 Oktober 1968 dan melahirkan anak pada 2 Jun 1969 diputuskan sebagai anak sah taraf. Rujukan kepada keputusan kes *Wan Azmi lwn. Nik Salwani [1990] 9 JH (2) 192* menunjukkan bahawa anak yang dilahirkan lebih dari tempoh enam bulan perkahwinan adalah diiktiraf sebagai sah taraf selepas dibuktikan berlakunya persetubuhan antara lelaki dan perempuan tersebut. Dalam kes ini, anak mereka lahir selepas lebih kurang lapan bulan dari tempoh perkahwinan. Rujukan kepada kes *Wan Khairi Wan Azmi lwn. Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (Sy) 344* menunjukkan kesediaan mahkamah untuk mengiktiraf kanak-kanak yang lahir dalam tempoh enam bulan dan dua saat dari tarikh perkahwinan ibu bapa kanak-kanak tersebut. Seterusnya, hakim di mahkamah syariah telah membatalkan perintah pendaftaran nama anak atas nama bapanya dalam kes *Mohd Hairy bin Hamdan lwn. Rabiah binti Ishak [2013] 2 JH 36*. Menurut fakta kes, responden sedang mengandungkan anaknya semasa pernikahan berlangsung. Anak tersebut telah pun dilahirkan lebih kurang enam bulan dari usia perkahwinan. Namun begitu, kedua-dua suami isteri ini tidak pernah melakukan persetubuhan selepas perkahwinan berlangsung. Hal ini menyebabkan mahkamah memutuskan bahawa anak tersebut ialah anak tidak sah taraf. Permohonan dalam kes *Zafrin Zulhilmi bin Pauzi lwn. Noor Aini binti Nasron (Kes No: 11300-006-0033-2012)* pula telah diterima oleh mahkamah walaupun anak yang dilahirkan dari tarikh perkahwinan hanyalah dalam tempoh empat bulan 24 hari. Namun demikian, mahkamah turut memutuskan bahawa bapa dan anak tersebut tidak mempunyai ikatan perwalian dan tidak dibenarkan untuk saling menerima pusaka. Penghakiman di sebalik kes ini dibuat berdasarkan pendapat Dr. Abdul Karim Zaidan yang menganggap “bin” atau “binti” hanyalah sebagai satu kaedah perundangan sahaja (Azizah, 2006).

Seksyen 111 pula menjelaskan bahawa jika seseorang anak dilahirkan lebih dari tempoh empat tahun kamariah selepas tamatnya perkahwinan sama ada atas alasan kematian atau penceraian, lelaki tersebut tidak boleh disifatkan sebagai bapa kecuali lelaki itu atau waris mengesahkannya. Mahkamah dalam kes *Ismail lwn. Kalam (1995) 10 JH 41* telah memutuskan bahawa anak dalam perkahwinan tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bekas suami perempuan tersebut kerana jarak penceraian dengan tarikh anak tersebut adalah melebihi tempoh empat tahun. Fakta kes menunjukkan

penceraian berlaku pada 28 September 1985, manakala anak dalam kes ini lahir pada tarikh 23 September 1989. Kes ini boleh dibezakan dengan keputusan kes *Fatimah binti Abdullah dan seorang lagi lwn. Mat Zin bin Kassim (2001) 14 JH (2) 225*. Mahkamah telah pun mensabitkan nasab seorang anak yang dilahirkan selepas penceraian berlaku kurang dari tempoh setahun. Mahkamah dalam membuat keputusan telah mengambil kira fakta bahawa wujudnya persetubuhan sebanyak lima kali dalam tempoh 39 hari perkahwinan mereka dan anak tersebut dilahirkan lebih dari enam bulan selepas berlakunya perhubungan suami isteri. Hal ini diikuti dengan Seksyen 112, iaitu mengenai kelahiran anak selepas pengakuan tempoh tamat idah dibuat. Jika seorang perempuan membuat pernyataan mengenai tamatnya tempoh idah atas alasan kematian atau perceraian dan tidak berkahwin semula, suaminya tidak boleh disifatkan sebagai bapa jika perempuan tersebut melahirkan seorang anak. Pengecualian diberikan jika anak itu telah dilahirkan kurang dari empat tahun kamariah bermula dari tarikh perkahwinan itu dibubarkan oleh sebab kematian suaminya itu atau atas alasan perceraian. Undang-undang turut menerangkan tentang kedudukan anak yang lahir daripada persetubuhan syubhah dalam Seksyen 113 akta yang sama. Menurut peruntukan undang-undang tersebut seorang lelaki yang menyetubuhi seorang perempuan dan lahirnya seorang anak dalam tempoh enam bulan kamariah sehingga empat tahun kamariah selepas persetubuhan boleh dianggap sebagai bapa anak tersebut (Zulkifli et al., 2013).

Menurut hukum Islam, anak tidak sah taraf ialah milik ibunya. Melalui aspek penamaan, anak tidak sah taraf akan dinasabkan kepada keturunan ibunya. Hal ini sekali gus bermaksud, segala nafkah bagi tujuan penjagaan adalah disandarkan kepada ibu. Sekiranya ibu cuai atau pun enggan menafkahi anak tidak sah tarafnya itu, mahkamah boleh memerintah bayaran elaun bulanan dibuat kepada anak bagi jumlah yang dirasakan munasabah (Abd. Ghani & Nuarrual, 2016). Seksyen 80 Akta 303 walau bagaimanapun telah mengecualikan tanggungjawab tersebut bagi anak yang lahir akibat daripada jenayah rogol. Peruntukan tersebut telah meletakkan kewajipan menanggung nafkah anak tidak sah taraf kepada kaum ibu. Dari aspek pusaka pula, anak tidak sah taraf dan ibunya boleh saling mewarisi harta pusaka masing-masing kerana pertalian mereka. Konsep ini menjelaskan bahawa hubungan anak tidak sah taraf tidak akan terputus daripada ibunya. Dari sudut perwalian, hak tersebut diserahkan kepada ibu. Namun demikian, sekiranya anak tidak sah taraf tersebut berjantina perempuan, perkahwinannya akan menggunakan wali hakim, iaitu Yang di-Pertuan

Agong, Sultan, Raja atau mana-mana individu yang diberikan tauliah kerana wanita, yakni ibu tidak dibenarkan menjadi wali. Ketiadaan ibu kandung anak tersebut akan menyebabkan hak penjagaannya atau hadanah² diserahkan kepada saudara-mara pada sebelah ibu sahaja. Kedudukan agama anak tidak sah taraf juga adalah mengikut agama ibu sebelum dia mencecah umur akil baligh. Sekiranya berlaku kematian kepada kanak-kanak tersebut dan ibunya beragama Islam, jenazahnya akan diuruskan mengikut pengurusan jenazah Islam. Namun demikian, jika ibunya bukan beragama Islam, kematiannya tidak boleh diuruskan menurut agama Islam melainkan anak tersebut telah memeluk agama Islam. Hubungan mahram bagi anak tidak sah taraf juga hanya dibenarkan dengan keluarga sebelah ibu semata-mata. Hatta, hukum pergaulan anak tidak sah taraf dengan bapa biologinya juga dianggap sebagai bukan mahram. Hubungan mahram tidak boleh diluaskan skopnya kepada mana-mana ahli keluarga sebelah bapa biologinya (Muhammad Hafiz & Muna Adila, 2020).

Bagi tujuan perbandingan, terdapat perbezaan antara pendaftaran anak tidak sah taraf yang beragama Islam dengan bukan beragama Islam. Walaupun pada dasarnya anak tidak sah taraf hanya akan didaftarkan kepada ibunya, terdapat ruang bagi mereka mengemukakan permohonan untuk memasukkan nama lelaki yang mengaku sebagai bapa dalam daftar kelahiran. Ibu dan bapa tersebut dikehendaki untuk bersama-sama menandatangani daftar kelahiran anak tidak sah taraf tersebut (Portal Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara, 2021). Melalui perbincangan ini definisi, konsep dan kedudukan anak tidak sah taraf yang beragama Islam dari sudut perlindungan undang-undang adalah sangat rapuh. Hak asasi mereka tidak dapat dijamin oleh undang-undang sekiranya kebanyakan ibu bapa bertindak menyorokkan kelahiran serta mengelak pendaftaran anak tidak sah taraf. Oleh yang demikian, ibu bapa hendaklah meletakkan prioriti yang lebih kepada perkara yang akan membawa manfaat buat anaknya. Stigma dan ketakutan menghadapi perspektif serong masyarakat hendaklah ditempuhi demi memberi jaminan perlindungan undang-undang buat anak tidak sah taraf. Kepentingan terbaik buat kanak-kanak mestilah diutamakan dalam apa-apa jua keadaan bagi memberi ruang kepada mereka membangunkan diri pada tahap optimum.

2 Hadanah bermaksud hak penjagaan bagi kanak-kanak lelaki atau perempuan yang belum mampu menguruskan dirinya sendiri semasa tempoh sesuatu perkahwinan atau selepas berlakunya proses perceraian.

KESAN PENDAFTARAN KELAHIRAN KEPADA HAK ASASI ANAK TIDAK SAH TARAF

Sijil kelahiran secara definisinya ialah satu bentuk rekod yang sifatnya berterusan, kekal dan universal dalam senarai daftar sivil, iaitu kejadian serta ciri-cirinya bersesuaian dengan undang-undang negara. Dokumen tersebut ialah catatan rasmi kerajaan atau dipanggil juga “surat beranak”, iaitu salah satu hak asasi semua kanak-kanak dan fungsi asas sesuatu kerajaan moden (Ahmad Irfan, 2013). Surat beranak mengandungi dua elemen utama, iaitu butiran kelahiran kanak-kanak yang dilahirkan serta maklumat ibu dan bapa mereka seperti nama, alamat, pekerjaan, kewarganegaraan dan lain-lain. UNICEF menghuraikan sijil kelahiran sebagai sebahagian daripada sistem senarai daftar sivil yang berkesan dan berfungsi bagi mengakui kewujudan orang itu di sisi undang-undang, menjalin hubungan kekeluargaan, dan mengesan peristiwa-peristiwa besar dalam kehidupan individu seperti kelahiran, perkahwinan serta kematian (Azizah & Nur ‘Adha, 2014).

Hak kepada pendaftaran kelahiran terkandung dengan jelas dalam Artikel 7 CRC yang menyebut seseorang kanak-kanak hendaklah didaftarkan sebaik selepas dilahirkan dan hendaklah mempunyai hak sejak lahir, iaitu hak terhadap suatu nama, hak kerakyatan dan sebaik-baiknya hak untuk mengetahui dan dijaga oleh ibu bapanya. Sehubungan dengan itu, semua negara hendaklah memastikan pelaksanaan hak ini mengikut undang-undang pada peringkat nasional dan obligasi mereka di bawah surat cara antarabangsa yang berkaitan dijalankan atau kanak-kanak tersebut akan menjadi individu tanpa kewarganegaraan. Artikel 8 pula menyebut bahawa negara-negara ahli telah berikrar untuk menghormati hak kanak-kanak untuk memelihara identitinya, termasuk kerakyatan, nama dan hubungan kekeluargaan seperti yang diiktiraf oleh undang-undang. Sekiranya seseorang kanak-kanak dilucutkan hak kepada sesetengah atau semua unsur identitinya secara salah, negara-negara ahli hendaklah memberikan bantuan dan perlindungan yang sewajarnya bagi pemantapan semula identiti kanak-kanak tersebut. Selain menjadi salah satu “hak asasi”, pendaftaran kelahiran sebenarnya sangat berkait dengan pelbagai jenis hak dan faedah seperti menjamin akses kanak-kanak untuk perkhidmatan utama, juga melindungi mereka daripada sebarang jenayah. Sebagai contoh, penderaan, eksploitasi, pemerdagangan dan pemelarian serta banyak lagi. Seterusnya, sebagai sebahagian daripada sistem pendaftaran sivil yang lengkap dan juga tepat, pendaftaran kelahiran juga dihubungkan kepada suatu perancangan serta tadbir urus hak kanak-kanak yang lebih berkesan.

Seterusnya, pendaftaran kelahiran secara lebih luas dapat mempromosikan pertumbuhan aspek ekonomi dan sosial. Penulisan ini telah mengenal pasti tiga kesan utama pendaftaran kelahiran kepada hak asasi anak tidak sah taraf, iaitu mereka akan memperoleh (i) identiti diri yang sah di sisi undang-undang; (ii) akses kepada servis kesihatan dan pendidikan; dan (iii) perlindungan kanak-kanak di sisi undang-undang. Kesemua kesan positif atau manfaat ini dibincangkan dengan lebih mendalam pada bahagian seterusnya.

Identiti Diri di Sisi Undang-undang

Pendaftaran kelahiran akan menyebabkan seseorang individu itu memperoleh dokumen rasmi yakni, “sijil kelahiran”. Sijil kelahiran ialah dokumen identiti diri yang dikeluarkan oleh pemerintah bagi membuktikan status seseorang sebagai individu yang dapat menggunakan hak dan menuntut perlindungan berdasarkan undang-undang. “Sijil kelahiran” yang juga disebut sebagai “surat beranak” mengesahkan pengakuan pemerintah terhadap usia, kewarganegaraan, nama dan ciri-ciri lain individu yang didaftarkan dalam satu dokumen rasmi. Dalam kebanyakan keadaan, identiti yang sah di sisi undang-undang akan digunakan oleh individu untuk mengakses hak dan kelayakan yang berkaitan dengan status mereka sebagai warganegara atau penduduk negara tertentu (Plan International, 2012). Malah dalam kedua-dua sektor kerajaan dan swasta, hampir kesemua servis yang ditawarkan menghendaki individu tersebut menunjukkan identiti diri mereka yang rasmi. Sebagai contoh akses perkhidmatan sosial dan pendidikan, servis kesihatan, tuntutan di mahkamah dan prosedur pentadbiran.

Syarat untuk menunjukkan identiti diri merupakan sebahagian daripada kontrak sosial yang asas kepada sesuatu pemerintahan demokratik. Sebuah kontrak sosial mestilah wujud bagi tujuan menunjukkan hubungan keterikatan sosial dan politik yang asas antara warganegara dengan negara. Kontrak yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah rekod kelahiran yang dimasukkan dalam daftar kelahiran sivil yang akan membolehkan permulaan kepada konsep kewarganegaraan (UNICEF, 2015). Ringkasnya, pendaftaran kelahiran memberikan seseorang kanak-kanak itu hak kewarganegaraan dan menikmati pelbagai manfaat daripadanya. Kewarganegaraan, walau bagaimanapun, bukanlah sesuatu hak yang automatik. Masih terdapat beberapa syarat dan prinsip kerakyatan tertentu yang mesti dipenuhi seperti tempat lahir dan keturunan. Kesimpulannya, hubungan konseptual

antara seseorang individu dengan sesebuah negara tersebut terbit daripada identiti diri yang menjadi sah melalui pendaftaran. Kesannya ialah “identiti yang sudah berdaftar” mengikat negara tersebut untuk bertanggungjawab dalam usaha menjamin hak asasi manusia. Kewujudan identiti rasmi akan memudahkan proses pemerolehan warganegara, mendapatkan tempat tinggal atau menuntut manfaat kelompok yang mempunyai status *quo* tertentu. Hal ini menunjukkan bahawa identiti yang sah di sisi undang-undang merupakan tonggak utama dalam perlembagaan negara dan juga pada peringkat antarabangsa (Meerah, 2015). Hak kepada pengenalan diri dan kewarganegaraan ini diimplementasikan melalui pendaftaran kelahiran dan dibuktikan dengan kewujudan sijil lahir. Selanjutnya, individu berdaftar boleh mendapatkan lain-lain bentuk dokumen rasmi pengenalan diri yang lain seperti kad pengenalan nasional dan passport. Melalui dokumen ini pula, individu memperoleh keistimewaan yang lebih besar seperti kebenaran melancong ke negara luar, membuka akaun bank di luar negara, menyelesaikan kes mahkamah pada peringkat antarabangsa, memperluas empayar perniagaan ke seluruh dunia dan banyak lagi.

Dari perspektif kanak-kanak, ketiadaan pengenalan diri yang sah akan memberi kesan negatif kepada mental dan emosinya. Mereka akan berasa kurang harga diri tanpa identiti diri yang sah berbanding dengan individu berdaftar yang lain. Tambahan lagi, tanpa status kewarganegaraan rasa kekitaan (*sense of belonging*) tidak akan wujud; dan kanak-kanak ini akan hilang arah serta tidak bermotivasi untuk mengembangkan potensi dirinya pada tahap maksimum. Hal ini bertepatan dengan kesimpulan UNICEF yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang tidak berdaftar akan dikecualikan daripada faedah kewarganegaraan (UNICEF, 2013). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa proses pendaftaran kelahiran bagi mendapatkan identiti diri yang sah di sisi undang-undang bagi kelompok anak tidak sah taraf merupakan salah satu hal yang sangat relevan dalam dunia masa kini. Pembuktian identiti secara rasmi ialah perkara asas dalam konteks pertumbuhan sosioekonomi pada peringkat globalisasi.

Akses kepada Servis Kesihatan dan Pendidikan

Pendaftaran kelahiran membuka pintu untuk hak-hak lain seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan faedah sosial. Terdapat pelbagai literatur, kajian dan analisis yang menunjukkan akses kepada perkhidmatan bergantung pada status pendaftaran seseorang individu atau kanak-kanak. Pengantar Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] menyatakan kepentingan pendidikan

bagi membolehkan masyarakat Malaysia mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang diperlukan dalam dunia yang sangat kompetitif serta bersifat global akibat perkembangan pesat sains serta teknologi maklumat. Objektif yang secara khususnya menyebut subjek; iaitu warganegara Malaysia yakni kanak-kanak yang pastinya mendaftarkan kelahiran mereka. Tambahan pula, kebanyakan undang-undang, polisi atau amalan sesebuah negara meletakkan syarat sijil kelahiran bagi tujuan membuktikan kelayakan mereka terhadap servis yang dituntut. Sebagai contoh pendidikan, kesihatan dan keselamatan sosial adalah antara perkhidmatan yang mungkin bergantung pada faktor usia atau keturunan bangsa. Malahan, kewujudan rekod pendaftaran akan memudahkan proses penyelenggaraan dan membolehkan kualiti perkhidmatan menjadi bertambah baik. Sebagai contoh, pembahagian kelas di sekolah mengikut umur bagi membolehkan penyampaian ilmu yang lebih berkesan atau maklumat usia yang tepat bagi membantu diagnosis kesihatan. Selain itu, data yang diperoleh melalui pendaftaran kelahiran akan membentuk maklumat yang tepat tentang taburan penduduk. Hal ini akan membantu kerajaan sesebuah negara bagi merancang pembangunan serta mengagihkan sumber dengan lebih berkesan. Menurut kajian kuantitatif yang dijalankan, beberapa hubung kait antara pendaftaran kelahiran dan juga akses pendidikan telah berjaya disimpulkan. Pertamanya, kanak-kanak tanpa sijil kelahiran masih berkemungkinan untuk mendapatkan pendidikan secara tidak rasmi. Kedua, tanpa wujudnya sijil kelahiran, kemungkinan bagi kanak-kanak menamatkan persekolahannya pada peringkat rendah adalah tipis. Seterusnya, ketiadaan sijil kelahiran akan memberi kesan kepada proses pembelajaran dan juga gred kanak-kanak tersebut (Corbacho et al., 2012).

Dalam aspek kesihatan pula, pendaftaran ialah kunci bagi mengira jumlah kelahiran dan kematian secara tepat. Oleh yang demikian, pendaftaran kelahiran adalah sangat penting bagi membolehkan servis kesihatan diberikan dengan sempurna. Sebagai contoh, pemberian vaksinasi, melihat tahap kesan sesuatu penyakit kepada diri kanak-kanak, membuat kajian dan analisis berhubung dengan kesan penggunaan ubat atau prosedur yang digunakan dan pelbagai lagi. Rekod jumlah kelahiran atau kematian juga akan membolehkan kerajaan merangka pelan kesihatan yang bersesuaian bagi menjaga nyawa kanak-kanak di seluruh negara. Pengesanan wabak penyakit, aktiviti atau bahan berbahaya juga lebih mudah untuk dikenal pasti sekiranya rekod kelahiran atau kematian dilakukan secara rasmi (Fagernas & Odame, 2013). Oleh itu, hubungan antara sektor kesihatan

dan juga pendaftaran kelahiran mestilah diperkukuh. Contohnya dengan mewujudkan kaedah pendaftaran di institusi kesihatan bagi memudahkan prosedur tersebut dijalankan oleh semua lapisan masyarakat.

Dalam konteks penulisan ini, anak tidak sah taraf akan mengalami pelbagai masalah untuk mendapatkan pendidikan asas atau kelak melanjutkan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka juga berkemungkinan tidak dapat menyertai aktiviti di sekolah yang memerlukan identiti diri seperti pertandingan, acara sukan, permohonan biasiswa dan lain-lain. Mereka akan sentiasa dibebani dengan isu identiti diri serta perlu menghadapi perspektif masyarakat di sekeliling mereka. Keadaan yang sama juga berlaku kepada anak tidak sah taraf untuk mendapatkan bantuan perubatan di sektor awam mahupun swasta. Tanpa rekod rasmi, kemungkinan bagi sesuatu institusi kesihatan untuk mengambil risiko yang melibatkan penjagaan kesihatan serta nyawa manusia adalah rendah (Todres, 2003). Secara ringkas pendaftaran kelahiran bagi anak tidak sah taraf akan memudahkan mereka mendapatkan akses hak asasi yang lain seperti pendidikan dan kesihatan.

Perlindungan Kanak-kanak di Sisi Undang-undang

Kewujudan sijil kelahiran bagi anak tidak sah taraf akan menyokong haknya untuk dilindungi daripada aktiviti jenayah seperti keganasan, penderaan, eksploitasi dan pengabaian. Konsep ini bersifat universal di seluruh dunia, yakni tanpa adanya identiti diri yang sah, perlindungan terhadap kanak-kanak ini menjadi rendah. Mereka akan terdedah kepada isu yang rumit dan kompleks seperti buruh kanak-kanak, perkahwinan kanak-kanak, eksploitasi seksual dan banyak lagi. Sekiranya kanak-kanak ini terlibat dalam hal-hal sebegini, adalah sangat sukar untuk menyelamatkan mereka kerana keadaan tiada data yang boleh dirujuk oleh pihak yang terlibat. Sebagai contoh, maklumat berhubung dengan penculikan mereka bagi tujuan pemerdagangan atau pemelarian tidak disedari oleh sesiapa pun kerana identiti mereka tidak diketahui secara rasmi.

Laporan mahupun aduan kepada mana-mana pihak penguat kuasa akan menemui jalan buntu pada akhirnya. Data yang dimuatkan dalam rekod kelahiran membolehkan identiti kanak-kanak atau usia mereka diketahui. Hal yang demikian akan membantu badan pelaksana dan kehakiman bagi melindungi kanak-kanak daripada gejala perkahwinan pada usia muda, terlibat dalam gejala buruh kanak-kanak atau dieksploitasi bagi lain-lain tujuan ekonomi seperti pekerja seks, video lucah, pelayan di pusat-

pusat hiburan atau banyak lagi. Undang-undang sedia ada pada peringkat nasional dan antarabangsa juga pada kebiasaannya akan mengenakan penalti yang lebih besar sekiranya jenayah dilakukan terhadap mangsa kanak-kanak. Keistimewaan yang diberikan kepada kanak-kanak ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan yang lebih baik kepada mereka. Undang-undang juga akan menguatkuasakan peraturan yang lebih ketat bagi memastikan perlindungan terhadap golongan kanak-kanak dapat dilaksanakan. Sebagai contoh, peranan ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak serta hukuman bagi pengabaian tanggungjawab tersebut telah dimuatkan dalam undang-undang.

Seterusnya perlindungan kanak-kanak dalam konteks ini turut meliputi skop layanan terhadap kanak-kanak dalam proses keadilan, bermula ketika penahanan atau tangkapan, jaminan, perbicaraan dan seterusnya hukuman. Faktor umur mengikut senarai daftar yang rasmi akan menyebabkan layanan terhadap mereka berubah sekiranya berada dalam kategori kanak-kanak. Prinsip perlindungan kepada kanak-kanak sebagai golongan rentan diterima pakai di seluruh dunia dan diserapkan dalam sistem perundangan Malaysia. Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611] menetapkan sebuah mahkamah khas bagi golongan kanak-kanak di Bahagian X. Seterusnya, terdapat tatacara khas yang digunakan, contohnya, Seksyen 85 menetapkan keperluan untuk mengasingkan kanak-kanak daripada orang dewasa di balai polis ataupun mahkamah, manakala Seksyen 88 pula mewajibkan kehadiran ibu bapa atau penjaga pada semua peringkat prosiding di mahkamah. Terdapat banyak lagi peruntukan khas dalam lain-lain statut yang dikhususkan untuk melindungi kepentingan dan kebajikan golongan kanak-kanak. Oleh yang demikian, adalah penting bagi anak tidak sah taraf didaftarkan bagi mengelakkan mereka daripada ditindas oleh orang yang tidak bertanggungjawab atau pun sistem pentadbiran yang ada. Keperluan memiliki identiti diri yang sah ini jelas menjangkau hak asasi yang bukan hanya memberi keselesaan dalam kehidupan semata-mata, malahan turut melibatkan keselamatan diri dan nyawa.

CABARAN PENDAFTARAN KELAHIRAN KANAK-KANAK TIDAK SAH TARAF

Dua isu utama yang akan dibincangkan ialah impak kegagalan ibu atau bapa mendaftarkan anak tidak sah taraf, diikuti dengan isu cabaran pendaftaran anak zina. Terdapat tiga cabaran yang akan dibincangkan; iaitu (i) syarat pendaftaran kelahiran ialah dokumen perkahwinan; (ii) stigma

dan penyisihan dalam kalangan masyarakat; dan (iii) kurang kesedaran tentang kepentingan pendaftaran.

Dokumen Perkahwinan atau Penceraian sebagai Syarat Pendaftaran

Setiap kelahiran di Semenanjung Malaysia hendaklah didaftarkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh lahir kanak-kanak tersebut. Permohonan pendaftaran kelahiran tersebut boleh dibuat oleh mana-mana individu yang berikut: (i) ibu atau bapa kanak-kanak; (ii) penjaga kanak-kanak; (iii) individu yang mengetahui atau menyaksikan kelahiran; dan akhir sekali (iv) ibu dan bapa kanak-kanak, jika melibatkan kelahiran anak tidak sah taraf. Individu tersebut hendaklah membawa bersama-samanya dokumen asal dan salinan, iaitu Borang Daftar Kelahiran³, Borang Pengesahan Kelahiran⁴ atau Surat Pengesahan Doktor⁵, Laporan Polis, Kad Pranatal atau Kad Rawatan Ibu Mengandung dan sekiranya tiada Surat Akuan AM80. Bagi ibu dan bapa pula, dokumen yang perlu dibawa bersama ialah kad pengenalan atau dokumen pengenalan ibu dan bapa, sijil kematian ibu dan bapa dan dokumen perkahwinan atau penceraian ibu bapa tersebut. Sekiranya prosedur pendaftaran dilakukan oleh orang selain ibu bapa kanak-kanak tersebut, pemaklum tersebut hendaklah membawa kad pengenalan atau lain-lain dokumen pengenalan dirinya sendiri. Tiada sebarang denda dikenakan sekiranya pendaftaran dijalankan mengikut aturan atau prosedur yang ditetapkan pada tempoh masa tertentu. Sekiranya berlaku kelewatan fi permohonan akan dikenakan sebanyak RM50.00 (Portal Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara, 2021).

Permohonan pendaftaran kelahiran di negeri Sabah dan Sarawak pula hendaklah dilakukan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelahiran oleh ibu, bapa, penjaga yang sah atau individu yang mengetahui tentang kelahiran kanak-kanak tersebut. Permohonan tersebut hendaklah dibuat di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara dengan membawa dokumen asal dan salinan seperti yang berikut: (i) Borang A dan Borang N1⁶; (ii) Borang Pengesahan Kelahiran dari hospital atau Surat Akuan Bidan atau doktor bagi kelahiran di rumah; (iii) Kad Pranatal; (iv) Kad Kesihatan dan Imunisasi Kanak-kanak;⁷ (v) Kad Pengenalan atau Permit Masuk atau Pasport bagi ibu, bapa atau

3 Borang JPN. LM01

4 Kelahiran kanak-kanak berlaku di hospital.

5 Kelahiran kanak-kanak berlaku di rumah.

6 Borang 1 dan Borang X bagi negeri Sarawak.

7 Tidak diperlukan bagi permohonan di negeri Sarawak.

individu yang melaporkan; (vi) Sijil Perkahwinan, Sijil Penceraian atau Sijil Kematian ibu dan bapa; atau (vii) Kad Pengenalan atau Permit Masuk Pasport. Permohonan kelahiran yang dianggap lambat bagi negeri Sabah ialah pendaftaran yang dibuat pada hari ke-15 sehingga hari ke-42 dan akan dikenakan bayaran proses sebanyak RM5.00. Sekiranya pendaftaran dilakukan selepas hari ke-42 dari tarikh kelahiran kanak-kanak, bayaran akan dikenakan adalah sebanyak RM10.00. Kelayakan pemohon, prosedur dan dokumen yang diperlukan juga adalah berbeza dan lebih kompleks lagi (Portal Rasmi Jabatan Pendaftaran Negara, 2021).

Berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, dokumen bagi membuktikan hubungan sah antara kedua-dua ibu bapa adalah wajib. Pembuktian melibatkan sijil perkahwinan atau sijil penceraian ibu bapa bagi kanak-kanak tersebut. Syarat yang sedemikian diwajibkan bagi membuktikan kelahiran anak tersebut sebagai sah taraf di sisi undang-undang. Keperluan dokumen ini menyebabkan ibu bapa yang tidak mempunyai hubungan sah sebagai suami isteri berasa terbeban untuk mendaftarkan kelahiran anak mereka. Mereka berasa bimbang kerana ketiadaan dokumen tersebut akan memberi impak terhadap prosedur pendaftaran lalu membuat keputusan untuk tidak mendaftarkannya sama sekali. Hal tersebut merupakan cabaran untuk isu prosedur ini diselesaikan agar dapat menggalakkan lagi pendaftaran dalam kalangan anak tidak sah taraf.

Stigma dan Penyisihan dalam Kalangan Masyarakat

Pendaftaran anak tidak sah taraf bagi kanak-kanak yang beragama Islam akan memberi impak kepada prosedur dan dokumen kelahiran mereka. Bagi ibu bapa yang hendak mendapatkan pengesahan tentang kesahataran anak tersebut, mereka perlu melalui proses di mahkamah bagi mendapatkan keputusan. Oleh yang demikian, hal berkaitan dengan peribadi individu tersebut akan dikemukakan di hadapan mahkamah walaupun hal tersebut melibatkan perkara yang berbentuk privasi. Keadaan yang sedemikian akan menyebabkan wujudnya persepsi buruk dalam kalangan masyarakat terhadap pemohon yakni ibu atau bapa serta kanak-kanak tersebut. Stigma yang lebih negatif akan terjadi apabila mahkamah memutuskan anak tersebut sebagai tidak sah taraf. Maksudnya, secara rasmi atau melalui dokumentasi, anak-anak tersebut sudah diputuskan sebagai tidak sah taraf di sisi agama Islam. Mereka yang lahir daripada persetubuhan haram lelaki dan perempuan ini dianggap sebagai hina oleh segelintir

masyarakat yang menyebabkan wujudnya perasaan malu dalam diri ibu bapa, ahli keluarga serta masyarakat sekeliling sehingga berlakunya diskriminasi terhadap kanak-kanak tersebut. Stigma ini kemudiannya akan mencetuskan penyisihan daripada pelbagai aspek terutamanya dari segi sosial dan ekonomi. Di sisi undang-undang pula, kanak-kanak ini terpaksa mendaftarkan kelahiran mereka dengan ber “bin” atau “binti” kan kepada nama Abdullah atau mana-mana 99 pilihan nama Allah SWT (Asma’ul Husna) (JAKIM, 2015).

Peruntukan undang-undang yang sering dikaitkan dengan isu penamaan anak atas nama bapa ialah Seksyen 13 dan Seksyen 13A Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299]. Menurut Seksyen 13, tiada seorang pun boleh dinamakan sebagai bapa kepada anak tidak sah taraf melainkan atas permintaan ibu. Ibu dan orang yang mengaku sebagai bapa disyaratkan untuk menandatangani daftar kelahiran secara bersama-sama. Seterusnya Seksyen 13A menetapkan nama anak yang sah taraf akan menjadikan nama bapa sebagai nama keluarga. Dalam keadaan Seksyen 13 telah disempurnakan, anak tidak sah taraf boleh menggunakan nama orang yang mengaku sebagai bapa tadi sebagai nama keluarganya. Namun demikian, telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa seksyen ini tidak terpakai kepada anak tidak sah taraf yang beragama Islam kerana penamaan anak tidak melibatkan nama keluarga (Farah Marshita et al., 2017). Penyisihan boleh bermula semenjak daripada kanak-kanak ini kecil lagi, bukan sahaja dari segi penyertaan dalam masyarakat tetapi juga perkhidmatan awam. Sebagai contoh kemasukan mereka ke institusi pendidikan seperti taman asuhan, servis kesihatan, iaitu pemeriksaan bayi dan vaksinasi adalah antara perkara yang memerlukan maklumat pendaftaran diri. Tanpanya, kanak-kanak tidak ini akan diprejudiskan nasibnya untuk menerima hak mereka sebagai warganegara, hatta sebagai manusia yang diiktiraf kedudukannya di sisi undang-undang (Reyneke, 2013; Todres, 2003). Oleh yang demikian, syarat pendaftaran yang memerlukan dokumen perkahwinan atau perceraian ini hendaklah disegerakan penyelesaiannya bagi memudahkan pendaftaran berlaku dalam kalangan anak tidak sah taraf. Hal ini penting bagi semua individu mendaftarkan diri bagi membolehkan kawal selia dan penjagaan hak asasi mereka dipelihara dengan baik. Terdapat pelbagai cara lain yang boleh diusahakan bagi merekodkan daftar diri bagi mereka yang lahir bukan dalam lingkungan ikatan perkahwinan yang sah di sisi agama, terutamanya agama Islam. Perkara ini penting untuk memastikan nasab keturunan dipelihara dengan baik tanpa menjejaskan

kehidupan seseorang individu, apatah lagi seorang kanak-kanak yang tidak berdosa (Azizah & Nur ‘Adha, 2014; Ahmad Irfan, 2013).

Kurangnya Kesedaran tentang Kepentingan Pendaftaran Kelahiran

Cabaran seterusnya untuk memastikan anak-anak tidak sah taraf didaftarkan kelahiran mereka ialah tiada kesedaran masyarakat tentang kepentingannya. Kebanyakan ahli masyarakat masih belum peka tentang peri pentingnya sesuatu kelahiran itu didaftarkan. Oleh yang demikian, mereka mengabaikan proses penting ini sehingga bayi yang dilahirkan tadi membesar ke peringkat usia kanak-kanak. Pada kebiasaannya, isu pendaftaran menjadi penting kepada mereka apabila anak-anak tersebut hendak dihantar ke sekolah. Tanpa adanya dokumentasi rasmi, anak-anak ini tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan formal yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi kanak-kanak warganegara (Reyneke, 2013; Plan International, 2012).

Pelbagai penulisan merekodkan bahawa pendaftaran kanak-kanak berada pada tahap yang rendah dalam kalangan kanak-kanak yang miskin dan rentan. Mereka yang berasal dari kawasan luar bandar atau terpencil mempunyai peratusan yang berkali ganda untuk tidak berdaftar berbanding kanak-kanak di bandar. Keadaan yang sedemikian berkait rapat dengan isu logistik dan juga kos yang diperlukan untuk ke tempat pendaftaran menyebabkan proses ini kurang mendapat sambutan (Fagnas & Odame, 2013; Copelon et al., 2005). Pendaftaran kelahiran dianggap sebagai sesuatu formaliti semata-mata tanpa wujudnya sebarang pengetahuan tentang impak besarnya dalam kehidupan kanak-kanak. Keadaan adalah lebih parah sekiranya kanak-kanak ini tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga yang sah. Dalam keadaan tersebut, tidak ada sesiapa yang dapat membantu proses pendaftaran untuk mereka. Kanak-kanak seperti golongan jalanan pastinya tidak mempunyai pengetahuan apatah lagi kesedaran tentang keperluan pendaftaran diri. Sehubungan dengan itu, adalah penting agar badan pelaksana negara memikirkan langkah yang sewajarnya bagi memudahkan pendaftaran kelahiran ini disempurnakan oleh individu pada semua peringkat tanpa mengira latar belakang mereka. Cabaran kelompok rentan pula perlu dipertimbangkan dengan terperinci agar pendaftaran diri tidak menjadi suatu proses yang terlalu sukar dan mustahil buat mereka. Kesedaran dalam kalangan masyarakat dan golongan rentan juga perlu diperbanyak agar statistik individu yang mempunyai identiti diri di sisi undang-undang terus meningkat di negara ini.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan penerangan tentang isu pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf ini, adalah jelas terdapat beberapa kelompangan undang-undang yang perlu ditampung demi menjaga kebajikan semua kanak-kanak tanpa sebarang pengecualian. Oleh yang demikian, dicadangkan agar undang-undang sedia ada ditambah baik. Pertama, dicadangkan agar Akta 611 memuatkan peruntukan pendaftaran kelahiran kerana hal ini merupakan asas kepada perlindungan hak kanak-kanak. Tanpa identiti diri yang sah di sisi undang-undang, hak-hak yang dimaktubkan dalam akta tersebut atau pun konvensyen antarabangsa CRC tidak dapat dimaterialisasikan kepada kanak-kanak. Oleh itu, adalah penting agar komponen pendaftaran diri dimasukkan dalam Akta 611 dengan huraian terperinci melibatkan prosedur dan lain-lain perkara seperti kewajipan pendaftaran dan keadaan tertentu seperti ketiadaan atau kehilangan dokumen, anak tidak sah taraf, anak yang lahir akibat jenayah rogol dan sebagainya. Ketidadaan panduan lengkap oleh undang-undang akan menyebabkan proses pendaftaran kelahiran ini dipandang enteng oleh masyarakat tanpa mengambil kira kesan besarnya pada masa hadapan. Seterusnya, suatu daftar kelahiran kanak-kanak yang bukan warganegara Malaysia atau belum ditentukan lagi kewarganegaraannya juga harus dibangunkan bagi memastikan identiti kanak-kanak ini dapat dikenal pasti pada bila-bila masa. Melalui maklumat atau data yang dikumpulkan ini, adalah lebih mudah bagi badan pelaksana dan negara untuk menjalankan tanggungjawab melindungi kebajikan mereka selaras dengan kehendak konvensyen antarabangsa. Walaupun mereka ini tidak akan mendapat manfaat sama seperti kanak-kanak yang merupakan warganegara, adalah penting bagi keselamatan dan hak asasi mereka terpelihara pada setiap masa. Oleh yang demikian, pihak berwajib perlulah membangunkan suatu daftar kelahiran yang khusus bagi kanak-kanak ini.

Selain itu, negara hendaklah membantu menggalakkan lagi proses pendaftaran dengan membatalkan penalti. Hal ini kerana sehingga ke hari ini, jumlah kanak-kanak tidak berdaftar terus bertambah saban tahun walaupun terdapatnya amaran penalti. Ternyata caj tersebut sama sekali tidak membantu meningkatkan peratusan pendaftaran kanak-kanak. Pengurangan kos ini akan membantu menggalakkan pendaftaran dalam kalangan mereka yang miskin dan rentan. Syarat seperti dokumen perkahwinan dan juga penceraian haruslah diberikan kelonggaran tanpa menjejaskan hukum nasab yang ditetapkan dalam agama Islam. Walaupun tiada sebarang dokumen yang membuktikan hubungan sah ibu bapa,

pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf tidak sepatutnya diabaikan secara berterusan. Penamaan anak tidak sah taraf tersebut kepada nama Abdullah atau mana-mana 99 buah nama Allah SWT dianggap relevan serta tidak menjejaskan maruah diri mereka. Langkah seterusnya adalah menyebarkan maklumat dan pengetahuan tentang kepentingan pendaftaran kelahiran dalam kalangan masyarakat. Suatu perencanaan yang kukuh mestilah dibangunkan pada peringkat kebangsaan bagi memastikan servis pendaftaran ini mudah dan boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat di seluruh pelosok negara. Kemudahan bagi menggalakkan pendaftaran mestilah dibangunkan dengan mengambil kira lokasi dan jumlah penduduk di kawasan tersebut. Sekiranya penyediaan kemudahan ini mengambil jangka masa yang panjang dan implikasi kewangan yang banyak, negara boleh mengambil langkah untuk melaksanakan proses pendaftaran secara bersekali dengan kelahiran kanak-kanak. Pihak Kementerian Kesihatan atau individu terlatih, seperti bidan boleh dilibatkan dalam perancangan bagi melaporkan kelahiran kanak-kanak. Hal ini bagi mempercepat dan mempermudah proses pendaftaran walaupun ibu bapa tinggal di kawasan terpencil atau cuba bersubahat menyorokkan kelahiran anak tersebut. Kewajipan yang diletakkan kepada pengamal perubatan moden atau tradisional ini dijangkakan akan melahirkan sifat tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk sama-sama meningkatkan lagi pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hak identiti diri yang sah mestilah dijamin dari sudut undang-undang kerana pengenalan diri adalah syarat utama bagi mendapatkan perlindungan hak-hak asasi manusia yang lain. Pembangunan diri manusia adalah bergantung pada status pendaftaran diri mereka dengan sesebuah negara. Di Malaysia, pendaftaran kelahiran kanak-kanak tidak sah taraf, terutamanya yang beragama Islam, jelas menghadapi banyak cabaran-cabaran seperti syarat dokumen perkahwinan, stigma dan penyisihan masyarakat dan kurangnya kesedaran awam. Hal ini menyebabkan mereka anak tidak sah taraf di Malaysia, terpaksa berhadapan dengan isu diskriminasi akibat identiti diri mereka yang tidak didaftarkan. Selepas meneliti sejarah pembangunan hak asasi, kedudukan anak tidak sah taraf dalam perundangan Islam, serta peruntukan undang-undang tentang perlindungan kanak-kanak, khususnya dalam CRC dan Akta 611, beberapa idea penambahbaikan telah dikemukakan, iaitu pindaan undang-undang, daftar kelahiran yang khusus untuk anak tidak sah taraf, prosedur baharu

pendaftaran kelahiran serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat. Idea-idea ini hendaklah diteliti dengan mendalam untuk dilaksanakan demi menjaga melindungi hak asasi kesemua kanak-kanak tanpa sebarang bentuk diskriminasi.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (2016). Kewajipan menanggung nafkah anak tak sah taraf: Satu kajian di negeri Kedah. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, 28(2), 214–244.
- Abdul Hafiz Othman. (2018). Aplikasi hukum nasab anak zina: Kajian terhadap fatwa negeri-negeri. 1–23. https://www.researchgate.net/publication/326769378_APLIKASI_HUKUM_NASAB_ANAK_ZINA_KAJIAN_TERHADAP_FATWA_NEGERI-NEGERI
- Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]
- Akta Mahkamah Juvana 1947 (*dimansuhkan*)
- Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
- Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 (*dimansuhkan*)
- Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (*dimansuhkan*)
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]
- Apland, K. *et al.* (2014). *Birth registration and children's rights a complex story*. Full Report Plan International, Coram Children's Legal Centre & International Observatory on Statelessness. file:///C:/Users/Dell/Downloads/Plan2014.pdf
- Ahmad Irfan Ikmal Hisham. (2013). *Kaedah hitungan tempoh enam bulan dua lahzah mengikut taqwim hijriy untuk penentuan status sah nasab serta beberapa furu' masa'il*. <https://core.ac.uk/download/pdf/159179895.pdf>
- Azizah Mohd. (2006). Perlindungan hak anak tidak sah taraf yang beragama Islam di bawah undang-undang di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 18(3), 17–37.
- Azizah Mat Rashid & Nur 'Adha Abdul Hamid. (2014). Kajian kerangka undang-undang sedia ada bagi anak tak sah taraf. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 1(II), 84–99.
- Corbacho, A., Brito, S. & Osorio, R. (2012). *Birth registration and the impact on educational attainment*. EUDC conference at Dartmouth College, IDB

- WORKING PAPER SERIES No. Inter-American Development Bank. August 2012.
- Copelon, R., Zampas, C., Brusie, E. & Devore, J. (2005). Human rights begin at birth: International Law and the of fetal rights. *Reproductive Health Matters*, 13(26), 120–129
- Fagernas, S., & Odame, J. (2013). *Birth registration and access to health care: An assessment of Ghana's campaign success. Bulletin of the World Health Organization*. World Health Organization. <https://www.who.int/bulletin/volumes/91/6/12-111351/en/>
- Farah Marshita, Abdul Patah & Ahmad Suhael Adnan. (2017, Julai). Keputusan benarkan bin bapa anak luar nikah langgar syarak. *Berita Harian Online* <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306491/keputusan-benarkan-binbapa-anak-luar-nikah-langgar-syarak>
- Flear, M. L. & Vakulenko, A. (2010). A human rights perspective on citizen participation in the EU's governance of new technologies. *Human Rights Law Review*, 10 (4), 661–687.
- Hafizah Iszahanid. (2019, April). Pelihara anak tidak sah taraf ikut syariat, kemanusiaan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/04/549142/pelihar-anak-tidak-taraf-ikut-syariat-kemanusiaan>
- Irwan Mohd Subri, Zulkifli Hasan, & Lukman Abd Mutalib. (2015). Keputusan mahkamah syariah Terengganu tentang nasab anak tak sah taraf: Krisis perundangan. *Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies*, 1(1), 1–8.
- Ishay, M. (2004). What are human rights? Six historical controversies. *Journal of Human Rights*, 3(3), 359–371.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Bahagian Pengurusan Fatwa. (2015). *Kompilasi pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. <https://www.google.com/search?q=Kompilasi+Pandangan+Hukum+Muzakarah+Jawatankuasa+Fatwa+Majlis+Kebangsaan+Bagi+Hal+Ehwal+Ugama+Islam+Malaysia&aq=Kompilasi+Pandangan+Hukum+Muzakarah+Jawatankuasa+Fatwa+Majlis+Kebangsaan+Bagi+Hal+Ehwal+Ugama+Islam+Malaysia&aqs=chrome..69i57.344j0j7&sourceid=chrome&ie=UTF-8>
- Jabatan Pendaftaran Malaysia. (2021, Mei 11). *Kelahiran*. <https://www.jpn.gov.my/my/soalan-lazim/soalan-lazim-kelahiran>
- Jabatan Pendaftaran Negara. (2021, May 9). *Pendaftaran Kelahiran Biasa*. <https://www.jpn.gov.my/my/perkhidmatan/kelahiran/semenanjung/pendaftaran-biasa-sm>
- Jabatan Pendaftaran Negara. (2021, May 9). *Pendaftaran Kelahiran Biasa – Sabah*. <https://www.jpn.gov.my/my/perkhidmatan/kelahiran/sabah/pendaftaran-kelahiran-biasa-sb>

- Jabatan Pendaftaran Negara. (2021, May 9). *Pendaftaran Kelahiran Biasa – Sarawak*. <https://www.jpn.gov.my/my/perkhidmatan/kelahiran/sarawak/pendaftaran-biasa-sr>
- Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (CRC).
- Mason, M. A. (1994). From fathers' property to children's rights: The history of child custody in the United States. *Social Work, 40*(4), 570–571.
- Meerah Deiwi Raja Gopal. (2015). Does illegitimacy status of children matter? A review on Malaysian perspectives. *International Journal of Applied Psychology, 5*(4), 109–114.
- Muhammad Hafiz Mansor & Muna Adila Che Rime. (2020). *Anak tidak sah taraf & jenayah zina di Malaysia*. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). <file:///C:/Users/Dell/Downloads/ANAK-TIDAK-SAH-TARAF-DAN-JENAYAH-ZINA-DI-MALAYSIA.pdf>
- Nurrual Hilal & Abd Ghani. (2015, 25-26 Ogos). *Mengandung anak tak sah taraf: Kajian kes di daerah Kubang Pasu, Kedah*. Prosiding 8th UUM International Legal Conference 2015. 25– 26 Ogos.
- Paizah Hj. Ismail. (2013). Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh, 10*, 77–90.
- Pelowski, M., Wamai R. G. Wangombe, J. & Nyakundi, H. (2015). Why don't you register your child? A Study of attitudes and factors affecting birth registration in Kenya, and policy suggestions. *The Journal of Development Studies, 51*(7), 1–24.
- Plan International. (2012). *Mother to child how discrimination prevents women registering the birth of their child*. Plan International. https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Children/BirthRegistration/PlanInternational2_birthRegistration.pdf
- Reyneke, M. (2013). Children's right to participate: Implications for school discipline. *De Jure, 46*(1), 206–236. file:///C:/Users/Dell/Downloads/dejure_v46_n1_a12.pdf
- Todres, J. (2003). Birth registration: An essential first step toward ensuring the rights of all children. *Human Rights Brief, 10*(3), Article 8, 1–4.
- UNICEF. (2013). *Every child's birth right inequalities and trends in birth registration*. UNICEF. https://www.un.org/ruleoflaw/files/Embargoed_11_Dec_Birth_Registration_report_low_res.pdf
- UNICEF. (2007). *Birth registration and armed conflict*. The UNICEF Innocenti Research Centre. <https://www.unicef-irc.org/publications/pdf/insight-br-eng.pdf>
- United Nations General Assembly. (2014). *Birth registration and the right of everyone to recognition everywhere as a person before the law*. Report of the Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. (A/HRC/27/22). <https://www.ohchr.org/Documents/Issues/Children/BirthRegistration/ReportBirthRegistration.pdf>
- Zulkifli Hassan, Irwan Mohd Subri, & Lukman Abdul Mutalib. (2013). Analisa kes melibatkan anak tak sah taraf di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum, 36*(2).